

Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER  
2024

# e-Lingua

3/2024



|  |     |
|--|-----|
| ✓ <a href="#">Chief Editor's Desk</a>              | 2   |
| ✓ <a href="#">News &amp; Reports</a>               | 7   |
| ✓ <a href="#">Language Club News &amp; Reports</a> | 16  |
| ✓ <a href="#">Image &amp; Lifestyle</a>            | 44  |
| ✓ <a href="#">Pet Lovers' Central</a>              | 70  |
| ✓ <a href="#">Lecturer's Contribution</a>          | 93  |
| ✓ <a href="#">Creative Corner</a>                  | 119 |
| ✓ <a href="#">The Team</a>                         | 131 |



# LANGUAGE CLUB

## NEWS/REPORT

|                                  |           |
|----------------------------------|-----------|
| <u>Madrasah Visit</u>            | <u>17</u> |
| <u>Frenchy F&amp;B</u>           | <u>20</u> |
| <u>Penyayang Charity Fun Run</u> | <u>22</u> |
| <u>A Roaring Good Time</u>       | <u>25</u> |
| <u>MARAK</u>                     | <u>27</u> |
| <u>UiTM-MRIQ MoU</u>             | <u>30</u> |
| <u>Open Mic Nights</u>           | <u>33</u> |
| <u>CatChateau Transit</u>        | <u>37</u> |

## Projek Penyayang CatChateau Transit Care & Cure: Usaha Berterusan Memelihara Kucing Jalanan UiTMCPP

Oleh Noor Azli Affendy Lee



*Di tengah-tengah hiruk-pikuk Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh, wujud satu sudut kecil yang membawa harapan dan kasih sayang kepada kucing-kucing jalanan. Projek Tempat Perlindungan & Rawatan Kucing Jalanan UiTMCPP, atau lebih dikenali sebagai Projek CatChateau Transit Care & Cure adalah kesinambungan daripada Projek Pemandulan Kucing yang telah bermula pada awal tahun 2022. Projek ini bertujuan mengawal serta memelihara kucing-kucing jalanan yang sering ditemui di sekitar kampus.*

*Walaupun projek ini dibantu oleh Kelab Budi Penyayang UiTMCPP bermula pada pertengahan tahun 2022, projek ini hanya diambil alih secara sepenuhnya oleh kelab mulai April 2024 dengan bantuan dan pantauan Encik Noor Azli Affendy Lee, salah seorang penasihat kelab. Melalui tunjuk ajar penasihat dan misi utama projek kelab tahun 2024 iaitu membantu kampus menangani masalah populasi kucing jalanan, projek ini bukan sekadar berfokus kepada penjagaan kucing semata-mata, tetapi juga kepada pendidikan dan kesedaran mengenai pemilikan kucing yang bertanggungjawab. Melalui pelbagai aktiviti seperti pameran kucing, gotong-royong, dan promosi pengambilan kucing sebagai haiwan peliharaan, kelab berjaya menarik perhatian ramai dan mendapatkan sokongan dari pelbagai pihak.*



### Aktiviti Gotong-Royong dan Kerjasama Komuniti Dalaman

Pada 20 April 2024, seramai 14 orang sukarelawan pelajar berkumpul seawal jam 9 pagi untuk menjalankan aktiviti gotong-royong di CatChateau Transit. Aktiviti ini melibatkan pembersihan keseluruhan kawasan tersebut, termasuk pemindahan sementara sangkar kucing dan perabot untuk proses sanitasi. Barang-barang yang tidak lagi diperlukan telah dibuang atau dijual dalam jualan amal. Para sukarelawan turut diberi peluang berinteraksi dengan kucing-kucing yang ada sambil mendengar taklimat penjagaan kucing dari penasihat kelab.



Beberapa minggu kemudian, pada 5 Mei 2024, satu lagi kumpulan sukarelawan seramai 20 orang melaksanakan aktiviti mengecat bangunan untuk menjadikannya lebih menarik dan sesuai dengan tema kucing. Disebabkan kekangan masa, para sukarelawan pelajar hanya mampu untuk menukar dinding bangunan kepada warna putih pada hari tersebut. Kerja-kerja mengecat dan mencorakkan bangunan disambung pada hari-hari lain sepanjang bulan Mei.

Selain itu, terdapat juga sukarelawan petugas harian yang terdiri daripada ahli kelab yang bertanggungjawab menguruskan tempat jagaan seperti membersihkan pasir kucing, memberi makanan dan menguruskan hal-hal lain bagi kucing-kucing yang sedia ada dan yang baru ditangkap. Setiap hari, 2 hingga 5 orang petugas berbeza membantu dalam pengurusan CatChateau Transit pada pagi dan petang. Aktiviti menangkap kucing jalanan sekitar kampus juga dijalankan dengan bantuan penasihat sepanjang bulan.

Pada 18 Mei 2024, satu pameran kucing yang melibatkan promosi untuk pengunjung mengambil kucing jalanan dari CatChateau Transit diadakan, seiring dengan Penyayang Charity Fun Run dan "Sukaneko" 2024 anjuran kelab dengan bantuan Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A), MASMED dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Aktiviti ini adalah salah satu langkah untuk mendapatkan adopters kepada kucing-kucing yang telah dijaga oleh kelab. Program larian amal dan ekspo keusahawanan yang dijalankan juga membantu mendapatkan sumbangan untuk kelestarian projek.

Lawatan dan Sokongan Komuniti Selain lawatan daripada para pelajar yang mengetahui kewujudan CatChateau Transit, kelab juga telah mengadakan hari khas melawat tempat. Pada 22 dan 23 Mei 2024, pusat transit kucing ini telah dibuka kepada pelawat sempena cuti Hari Wesak, membolehkan pelajar dan staf UiTMCPP melawat dan bermain dengan kucing-kucing di situ. Lawatan ini juga disusuli oleh sesi





perkongsian bersama Kelab MinDS (Mind Empowerment for Success) pada 23 Mei, yang mana lebih 40 orang pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti mengecat, menangkap kucing dalam kampus dan sesi bermain dengan kucing-kucing.

Usaha ini turut mendapat perhatian daripada pihak luar. Satu mesyuarat secara atas talian bersama wakil daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah dihadiri oleh penasihat dan hasil daripada mesyuarat ialah pihak MBSP bersetuju untuk bekerjasama dengan UiTMCPP untuk membantu dalam proses pemandulan kucing jalanan dengan memberikan harga diskaun. Kos pemandulan yang diberikan ialah RM50 untuk kucing jantan dan RM80 untuk kucing betina di paun MBSP, Simpang Ampat.




Klinik Haiwan Catsby yang bertempat di Bandar Perda juga secara rasminya telah bersetuju untuk membantu projek dengan memberikan kos pemandulan kucing yang murah iaitu RM50 untuk kucing jantan dan RM100 untuk kucing betina. Di sepanjang bulan Mei dan Jun 2024, kelab telah berjaya memandulkan 10 ekor kucing dengan bantuan MBSP dan Catsby.

Pada 27 Mei 2024, kelab dan beberapa orang staf pencinta kucing UiTMCPP telah membuat lawatan penandaaranan berkenaan projek kucing yang dijalankan di Universiti Sains Malaysia (USM). Pada 7 Jun 2024, 3 orang pelajar USM yang merupakan ahli sekretariat USM Oyen Expaw melawat tapak projek. Kelab telah dijemput untuk membuka gerai mempromosikan projek dan kucing untuk adoption di USM pada 30 Jun 2024 sempena Oyen Purrfect Meow Run.

Pada 21 Jun 2024, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang telah membuat lawatan ke tapak projek, serta memberi sumbangan dalam bentuk peralatan, perubatan dan suplemen kucing, sekaligus memberi peluang kepada kelab untuk berkolaborasi dengan satu lagi badan kerajaan. Hasil daripada lawatan tersebut, pihak veterinar bersetuju untuk memandulkan 20 ekor kucing secara percuma pada tarikh yang akan diusulkan pada kemudian hari (semester Oktober 2024 - Februari 2025).

Kelab juga telah berjaya menghubungi sebuah kilang makanan kucing, SP Berkat, yang berlokasi di Tasek Gelugor, Pulau Pinang, yang memberikan harga yang lebih murah berbanding kedai haiwan biasa (RM53.00 untuk 10 kg makanan kucing). Selain itu, kelab juga mendapat kerjasama daripada Pak Mie Shelter yang bertempat di Pendang, Kedah, untuk menempatkan kucing-kucing jalanan di sana jika kelab tidak berjaya mendapat adopters pada hujung semester. Langkah ini dijalankan disebabkan ketiadaan sukarelawan pelajar semasa cuti semester dan ini bersesuaian dengan misi kawalan populasi kucing jalanan dalam kampus.



#### *Pertandingan Do Good Challenge Musim Ke-2: Cabaran dan Kejayaan*

Mewakili Kelab Budi Penyayang, Penyayang CatChateau Rangers yang diterajui oleh saudara Muhammad Arif bin Burhanuddin Shah dan saudara Muhammad Afwan bin Anuar, dua orang pelajar semester 2 Diploma Seni Kuliner dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, telah mengangkat nama UiTMCPP dalam pertandingan Do Good Challenge Musim ke-2 melalui projek CatChateau Transit Care & Cure. Daripada lebih 10,000 penyertaan daripada mahasiswa UiTM seluruh Malaysia, projek ini telah dipilih oleh pengajur dan penaja utama, Good Virtues Co., untuk ke fasa ke-2 pertandingan bersama 24 projek lain.



Projek ini merupakan satu-satunya projek dari kampus zon utara yang terpilih. Berkat didikan dan galakan penasihat yang merupakan mentor projek, serta usaha keras yang dibuat oleh 2 orang pelajar tersebut, projek CatChaeau Transit ini berjaya mendapat geran RM8,000 daripada penaja. Geran tersebut digunakan untuk menaiktaraf tapak projek, membeli makanan dan peralatan serta menyediakan rawatan untuk kebajikan kucing-kucing yang dijaga. Selain itu, geran juga digunakan untuk promosi kesedaran orang ramai tentang penjagaan kucing dan aktiviti keusahawanan pelajar untuk menjana dana untuk kelestarian projek.

Hasil daripada semua aktiviti-aktiviti yang telah diusahakan secara gigihnya oleh 2 orang pelajar dan mentor serta semua pihak yang terlibat sepanjang bulan Mei dan awal Jun, projek CatChateau Transit telah dinobatkan sebagai juara pertandingan Do Good Challenge Musim Ke-2 pada 12 Jun 2024, meneruskan lagi legasi UiTMCPP dan Kelab Budi Penyayang yang telah merangkul juara pada pertandingan yang sama pada tahun lepas melalui mentor yang sama. Para juri pertandingan berpendapat bahawa projek ini menang kerana berjaya menonjolkan usaha gigih para pelajar dalam memelihara dan mengawal populasi kucing jalanan di kampus serta memberikan keputusan Key Performance Index (KPI) yang lebih daripada apa yang disasarkan.

Berikut merupakan  
keputusan rasmi pertandingan:



- *Johan: CatChateau Rangers, UiTM, Permatang Pauh, Pulau Pinang*
- *Naib Johan: Dura Ace, UiTM, Kota Kinabalu, Sabah*
- *Tempat Ketiga: Youth Mentorship Crew (YMC), UiTM, Dungun, Terengganu*
- *Tempat Keempat: Fruity Fuel, UiTM, Shah Alam, Selangor*
- *Tempat Kelima: BizBoost, UiTM, Dungun, Terengganu*



#### *Misi Berterusan dan Harapan Masa Depan*

*Meskipun projek ini telah mencapai banyak kejayaan, usaha memelihara kucing-kucing jalanan masih berterusan. Sumbangan daripada masyarakat dan kerjasama dengan pelbagai pihak adalah kunci kejayaan projek ini. Kelab berharap agar lebih ramai yang berminat untuk mengambil kucing-kucing ini sebagai haiwan peliharaan dan memberikan mereka rumah yang penuh kasih sayang.*



*Projek CatChateau Transit Shelter adalah bukti bahawa dengan sedikit usaha dan kasih sayang, kita boleh membuat perubahan besar dalam kehidupan haiwan-haiwan yang memerlukan. Melalui projek ini, UiTMCPP bukan sahaja menunjukkan keprihatinan terhadap kucing-kucing jalanan tetapi juga memupuk semangat cinta akan haiwan dalam kalangan pelajarnya, selaras dengan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini.*